

KENYATAAN MEDIA

CamScore BANTU PENGGUNA PILIH PERAKAM TERBAIK

PUTRAJAYA, 2 NOVEMBER 2022 – Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dan CyberSecurity Malaysia telah bekerjasama dalam menghasilkan satu program kepenggunaan yang dapat membantu pengguna memilih kamera papan pemuka (*dashcam*) untuk kenderaan mereka. Program yang dinamakan sebagai “**CamScore**” atau ***Dashcam Safety Score Card*** ini telah melalui fasa penilaian awalan dan versi pertama senarai kamera yang dinilai akan dihebahkan untuk rujukan pengguna. Dengan adanya program “CamScore” ini, para **pengguna bukan sahaja dapat mengetahui dengan lebih lanjut tentang kualiti kamera malah pengguna juga dapat memastikan pembelian mereka berbaloi dengan harga.**

Fasa awalan CamScore ini **menilai spesifikasi *dashcam* melalui tiga ciri** iaitu ciri asas (*basic features*), ciri termaju (*advanced features*), serta ciri bantuan pemanduan (*Advanced Driving Assistance System – ADAS*). Keputusan penilaian CamScore telah dilancarkan secara rasminya bersempena persidangan Pakar Kenderaan Moden (*Modern Vehicle Expert - MOVE*) yang berlangsung di Hotel Dorsett, Putrajaya.

Pengurus Projek Forensik Kenderaan yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan Keselamatan Kenderaan dan Biomekanik, Ts. Zulhaidi Mohd Jawi berkata, “CamScore” adalah kesinambungan pelbagai program penarafan yang telah dibangunkan oleh MIROS termasuk penilaian kenderaan. Ini merupakan inisiatif MIROS dalam memastikan panduan untuk membeli dan memiliki kamera papan pemuka (*dashcam*) yang sesuai dapat digunakan oleh pengguna tanpa ragu-ragu”.

Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia, Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab berkata, “CyberSecurity Malaysia akan terus komited dalam memastikan perlindungan paling optimum untuk rakyat Malaysia berkenaan keselamatan digital. Kerjasama strategik bersama MIROS ini adalah simbolik kepada perubahan semasa di mana janaan data digital telah semakin dominan dalam industri automotif, berbanding sebelum ini yang tertumpu kepada isu internet, peranti dan perkomputeran.”



Keputusan pertama CamScore menyenaraikan lima model *dashcam* yang berjaya mencapai taraf lima bintang, iaitu tiga dari jenama 70mai, dan masing-masing satu model dari jenama DDPAl dan Thinkware. Selebihnya, 15 model tersenarai sebagai empat bintang, 19 model bertaraf tiga bintang, dan satu model dua bintang. Dua model keluaran 70mai iaitu **70mai A800S** dan **70mai Pro Plus+ A500S** mencatat skor tertinggi iaitu 4.59 daripada markah keseluruhan 5.00.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)
Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, Selangor
T: 016 – 415 4707 | E: nuursakinah@miros.gov.my

DASHCAM SAFETY SCORECARD (CAMSCORE) - BRANDS & MODELS WITH RATING

NO	CS-ID	DASHCAM BRAND & MODEL	POINTS	STARPOINTS
1	C3	70mai A800S	4.59	★★★★★ 5
2	C4	70mai Pro Plus+ A500S	4.59	★★★★★ 5
3	C24	Thinkware U1000	4.56	★★★★★ 5
4	C6	70mai M500	4.53	★★★★★ 5
5	C11	DDPAI X5 Pro	4.52	★★★★★ 5
6	C20	IROAD X11	4.48	★★★★ 4
7	C28	DDPAI Z50	4.44	★★★★ 4
8	C29	AZDOME M17	4.15	★★★★ 4
9	C31	AZDOME M01 PRO	4.15	★★★★ 4
10	C36	AZDOME AR08	4.15	★★★★ 4
11	C34	AZDOME PG16S-R	4.13	★★★★ 4
12	C33	AZDOME M300	4.09	★★★★ 4
13	C30	AZDOME M550	4.08	★★★★ 4
14	C15	DDPAI MINI5	4.03	★★★★ 4
15	C35	AZDOME M63	3.99	★★★★ 4
16	C32	AZDOME GS63H	3.98	★★★★ 4
17	C37	AZDOME BN03	3.98	★★★★ 4
18	C16	DDPAI X2S Pro	3.93	★★★★ 4
19	C12	DDPAI Z40	3.88	★★★★ 4
20	C2	70mai A400	3.75	★★★★ 4
21	C14	DDPAI Mola N3 Pro	3.73	★★★★ 3
22	C22	SIPII SP200i	3.69	★★★★ 3
23	C7	70mai Rearview Dashcam Wide	3.63	★★★★ 3
24	C9	DDPAI Mola N3	3.63	★★★★ 3
25	C13	DDPAI mini3	3.58	★★★★ 3
26	C39	SAFECAM V20 PRO	3.57	★★★★ 3
27	C25	SIPII SP300	3.48	★★★★ 3
28	C10	DDPAI mini	3.45	★★★★ 3
29	C23	SIPII SP400	3.43	★★★★ 3
30	C17	DDPAI Mola A2	3.41	★★★★ 3
31	C19	Goluk T3	3.41	★★★★ 3
32	C8	70mai Lite	3.40	★★★★ 3
33	C5	70mai M300	3.38	★★★★ 3
34	C1	70mai 1S	3.37	★★★★ 3
35	C40	SAFECAM V8 PLUS	3.27	★★★★ 3
36	C26	[WT] 1080P HD U2 USB Car Camera	3.26	★★★★ 3
37	C27	[WT] 1296P / 1080P Dual Lens Car Dash Cam	3.10	★★★★ 3
38	C38	SAFECAM V13 TOUCH	3.10	★★★★ 3
39	C21	[WT] 4IN1 HD Car Recorder	3.07	★★★★ 3
40	C18	Ettro 4 inch Car Recorder	2.96	★★ 2

Total dashcams assessment = 40 dashcams. Highest point: 70mai A800S (4.59), 5-stars. Lowest point: Ettro 4 inch Car Recorder (2.96), 2-stars. [WT] = Without Trademark